

Simbol kebijaksanaan bangsa Melayu

» Tajam pemerhatian guna peribahasa, simpulan bahasa untuk sampai mesej

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Sikap orang Melayu yang tidak suka berterus terang, sebaliknya menggunakan peribahasa dan simpulan bahasa yang dianggap sebagai 'metafora mati' bukanlah sikap negatif seperti tanggapan setengah pihak.

Sebaliknya sikap itulah yang menyebabkan orang Melayu mencipta peribahasa dan simpulan bahasa yang sebenarnya mengandungi ciri pemikiran aras tinggi.

Justeru, label negatif yang menjadi tanggapan salah itu disanggah ilmuwan bahasa pada Seminar Meja Bulat Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur di Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, baru-baru ini.

Pengarah ATMA, Prof Dr Nor

Hashimah Jalaluddin dalam pembentangnya, *Bahasa Kiasan dan Kognitif Alam Melayu* berkata, sikap tidak suka berterus terang menjadi antara faktor terhasilnya simpulan bahasa dan peribahasa Melayu yang melambangkan kebijaksanaan bangsa Melayu.

Pemerhatian tajam

"Saya mengkategorikan peribahasa sebagai biasan kognitif Melayu yang boleh dibahagikan kepada beberapa elemen, iaitu penggunaan objek pilihan, berpasangan, kritikan sosial, menyetuh piramid makanan dan bercirikan saintifik.

"Sebagai contoh, tanam tebu di tepi bibir yang menjadi peribahasa Melayu popular, membawa maksud seseorang individu yang suka membuat janji manis," katanya.

Nor Hashimah berkata, ciri tebu itu sendiri diambil dalam konteks piramid makanan, iaitu tumbuhan yang manis, tetapi pemerhatian terhadap sifat lain akan mendapati ia juga keras, memiliki daun miang dan tajam.

"Ruasnya yang keras boleh menyebabkan jari kita terluka sebagai simbolik atau lambang kepada makna peribahasa berkenaan.

"Pemerhatian yang tajam itu turut menunjukkan kebijaksanaan orang Melayu dalam menyampaikan sesuatu mesej atau nasihat," katanya.

Nor Hashimah turut menyarankan kaedah pengajaran sim-



Seminar Meja Bulat di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, Bangi.

[FOTO SHIRAZ ALI / BH]

“**Saya mengkategorikan peribahasa sebagai biasan kognitif Melayu yang boleh dibahagikan kepada beberapa elemen iaitu penggunaan objek pilihan, berpasangan, kritikan sosial, menyetuh piramid makanan dan bercirikan saintifik**”

Nor Hashimah Jalaluddin,
Pengarah ATMA

pulan bahasa dan peribahasa Melayu pada peringkat sekolah digerakkan secara lebih kreatif dan menggunakan kaedah dua hala dengan perbincangan secara kognitif dijalankan bagi membuka minda pelajar untuk lebih mudah memahami maknanya.

Kaedah hurai makna

Sementara itu, Pensyarah Kanan, Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Dr Salinah Ja'afar berkata, setiap pemilihan bentuk kata yang digunakan dalam peribahasa dan simpulan bahasa Melayu mengandungi fungsi leksikal yang tersendiri.

"Fungsi leksikal ialah konsep yang digunakan untuk menghuraikan makna yang terkandung dalam sesebuah kata berdasarkan kewujudannya

dalam ayat dan frasa.

"Melalui fungsi leksikal, makna dan penggunaan sesuatu bentuk kata akan difahami dengan lebih mudah oleh pengguna bahasa," katanya.

Salinah memetik penggunaan peribahasa yang diadaptasi ke dalam bentuk pantun untuk menekankan fungsi leksikal, iaitu burung nuri burung tiung, turun makan tepi pantai, hajat di hati memeluk gunung, apakan daya tangan tak sampai.

"Fungsi leksikal dalam pantun ini dapat dilihat menerusi objek gunung dan tangan. Gunung membawakan perlambangan sesuatu yang mustahil untuk dicapai yang dikonotasikan dengan tangan sebagai penguat," katanya dalam pembentangnya *Fungsi Leksikal Alam Dalam Pantun dan Peribahasa Melayu*.